

BELIA PENDUKUNG CABARAN PERDANA

oleh

Mohd Noor Azmi Mamat
dan
Sapora Sipon
Universiti Malaysia Sabah.

Pengenalan

Golongan belia dilihat sebagai golongan utama yang mendukung cabaran perdana negara. Cabaran perdana negara dilihat sebagai satu strategi serta jangkaan dan harapan masa depan yang harus dihayati oleh golongan belia dalam membentuk tamadun baru yang moden dan saintifik menjelang alaf akan datang. Kertas kerja ini cuba membincangkan belia selaku pendukung cabaran perdana dengan melihat seluruh komponen seperti peranan yang dimainkan oleh belia, misi, ciri-ciri, senario dan persoalan semasa belia.

Cabaran perdana

Cabaran perdana merupakan pandangan masa depan. Ia merupakan satu konsep yang membawa pelbagai konotasi peningkatan, pembangunan, perubahan serta penyesuaian dan persediaan dari order baru amnya dan order baru negara amnya. Ia juga merangkumi semua aspek kehidupan dalam usaha merealisasikan negara maju seperti yang kita impikan dalam Wawasan 2020. Cabaran perdana merupakan satu konsep order baru negara yang didasari oleh perkembangan dunia hari ini. Ia merangkumi satu skop kehidupan yang luas, memenuhi kehendak ataupun acuan kerajaan bagi merealisasikan Malaysia maju seperti yang dilaungkan oleh Perdana Menteri kita, datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam usaha merealisasikan cabaran perdana, setiap rakyat Malaysia adalah aset yang penting dan memainkan peranan aktif ke arah itu. Golongan yang paling dekat dan tepat bagi merealisasikan hasrat ini adalah golongan muda-mudi kita yang juga dikenali sebagai golongan belia.

Belia

Azizan Bahari (1995) mendefinisikan golongan belai sebagai golongan yang berumur diantara 15-35 tahun. Golongan belia disebut-sebut sebagai golongan yang dikatakan mampu merealisasikan cabaran perdana. Ciri-ciri fizikal dan mental yang dimiliki oleh golongan ini adalah kanisma paling sesuai selaku agen pendukung cabaran perdana.

Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara

1. Menentukan corak dan arah kemajuan negara

Golongan belia perlu bangkit dari persoalan yang berlegar di sekeliling kehidupan lama dan melibatkan diri dalam proses kemajuan negara. Para belia mencorakkan arah kemajuan dan pembangunan negara berdasarkan nilai ketimuran dengan membentuk satu budaya keMalaysiaan yang unggul dan pada waktu yang tidak melupakan adat-adat ketimuran. Dalam usaha menentukan corak dan arah kemajuan negara, peranan belai ini banyak bergantung kepada sejauh mana citra belia/remaja dibentuk oleh sistem kehidupan yang bermula di peringkat keluarga dan institusi pendidikan. Sekiranya citra yang dibentuk adalah diluar sistem kehidupan ketimuran, maka corak dan kemajuan negara yang bakal dicorakkan oleh para belia akan membentuk kemajuan yang bertaku di Barat. Di sini, para belia harus sedar dan memahami erti kemajuan yang sebenar. Para belia wajar mencorakkan dan menentukan arah kemajuan negara tanpa mengikis aspek moral dan sahsiah yang baik.

2. Membantu membanteras masalah sosial

Golongan belia merupakan golongan yang berpotensi untuk membantu mengatasi masalah sosial yang sering bertaku dikalangan remaja yang digelar "problematic group" (Azizan Bahari, 1995). Kebanyakan masalah sosial dikalangan remaja berlaku kerana mereka kehilangan ataupun gagal membentuk serta mencari identitinya untuk membentuk sendiri yang positif. Dalam hal ini, peranan golongan belia khasnya pertubuhan belia dapat membantu mengatasi masalah sosial melalui penjoalan identiti dan sahsiah sendiri yang positif.

3. Melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bidang.

Kemajuan negara dalam pelbagai bidang menuntut belia supaya bergiat aktif bersama kerajaan dalam pelbagai bidang yang menjadi tumpuan untuk membangunkan negara. Belia boleh memainkan peranan secara perseorangan dan juga secara berkumpulan melalui pelbagai bidang yang ada. Mereka haruslah sedar akan potensi diri mereka dan potensi negara dalam merealisasikan kehendak kerajaan terutamanya Wawasan 2020 yang menekankan kepada pembangunan ekonomi. Setiap belia perlu melihat perkembangan ini sebagai satu cabaran ke atas diri mereka dan bukan sahaja cabaran ke atas negara. Kesedaran yang sebegini akan mendorong belia untuk memperkembangkan untuk memperkembangkan potensi mereka terutama dalam keadaan negara yang dilanda masalah ekonomi sekarang.

Para belia perlu juga melibatkan diri dalam bidang yang boleh membina sendiri atau sahsiah yang baik. Mereka boleh terlibat dalam pelbagai program pembinaan masyarakat seperti ceramah, bengkel, kovensyen serta program kepimpinan dan juga Rakan Muda. Para belia haruslah melihat usaha kerajaan ini sebagai satu peluang kepada mereka untuk mengembangkan pelbagai potensi dan menonjolkan diri mereka samada dalam negara ataupun di luar negara.

4. Meningkatkan dan memelihara perpaduan negara.

Latar belakang masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dimana kaum Melayu, Cina dan India sebagai kaum terbesar memerlukan pemeliharaan perpaduan kaum. Usaha memupuk dan memelihara perpaduan sering kali ditekankan oleh Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam setiap ucapannya. Belia, sebagai bahagian utama populasi rakyat Malaysia adalah merupakan golongan penting ke arah usaha ini. Setiap belia dari pelbagai kaum, agama dan budaya haruslah peka terhadap isu perkauman dan perpaduan. Mereka haruslah mempunyai kesedaran peri pentingnya usaha memupuk dan memelihara perpaduan yang diketahui sebagai pemangkin kemajuan dan keamanan dalam negara.

Dalam usaha memupuk perpaduan, belia haruslah bersedia untuk mendengar pendapat orang lain, tidak terpengaruh dengan anasir jahat serta bersifat adil dalam soal-soal yang membabitkan isu perkauman. Dalam masa yang sama, belia juga harus menolak unsur-

unsur yang boleh memecahbelahkan perpaduan dalam negara. Dalam menghadapi situasi-situasi yang melibatkan ketenteraman negara, belia haruslah realistik dan tidak terpengaruh dengan pelbagai anasir jahat sehingga boleh mewujudkan keadaan yang tidak selamat dalam negara. Tema hari Kebangsaan tahun ini iaitu, "Negara Kita Tanggungjawab Kita" mestilah dihayati oleh setiap belia secara mendalam terutama dari segi patriotismenya.

5. Merealisasikan Wawasan 2020.

Wawasan 2020 merupakan agenda atau cabaran perdana negara dan ia menuntut keterlibatan setiap rakyat Malaysia dalam merealisasikan Malaysia Maju mengikut citarasa dan acuan sendiri. Segala dasar, program dan pendekatan yang dilaksanakan ke arah merealisasikan wawasan 2020 tidak akan berjaya tanpa adanya komitmen belia dan masyarakat amnya. Belia boleh bertindak sebagai agen dari segi moral, idea dan materi melalui pelbagai badan dan saluran. Sumbangan ini dilihat sebagai satu usaha yang bersungguh para belia ke arah pembangunan negara.

6. Menjadi warga yang bertanggungjawab

Para belia hendaklah menjadi belia yang bertanggungjawab ke atas empat elemen utama. Empat elemen utama persekitaran sosialisasi tersebut ialah tanggungjawab berhubung dengan Tuhan, tanggungjawab berhubung dengan alam, tanggungjawab berhubung dengan manusia dan sekitaran dan tanggungjawab berhubung dengan diri sendiri.

Tanggungjawab belia dengan Tuhan menuntut seorang belia memahami, mempelajari, mengikuti dan mengamalkan ajaran agama. Hubungan dengan alam bermakna menjaga alam sekitar yang bersih dan sihat untuk kesejahteraan kehidupan, tanggungjawab dengan diri sendiri bermakna membentuk kepribadian diri dengan mengelakkan daripada melakukan tindakan yang boleh memudaratkan diri dan kesihatan mental, fizikal dan rohani manakala tanggungjawab terhadap manusia dan sekitaran bermakna tanggungjawab terhadap keluarga, negara, masyarakat dan juga perseorangan yang berada disekeliling hidup kita.

CIRI-CIRI BELIA BERWAWASAN

1. Futuristik

Para belia hendaklah bersikap memandang ke hadapan dan bersikap positif terhadap segala perubahan yang berlaku. Belia yang bersikap futuristik serta inovatif bukan sahaja akan mendatangkan manfaat dari segi persediaan untuk menghadapi masa depan tetapi turut membantu dalam menyumbangkan idea untuk perkembangan dunia masa depan. Dalam keadaan perkembangan dunia yang pesat dan negara dikatakan mula memasuki keera teknologi tinggi, sifat futuristik akan membantu seseorang belia bersedia dengan jangkaan perkembangan pentas dunia yang serba pantas.

2. Peka dan sensitif

Belia perlu peka dan sensitif terhadap segala perubahan yang berlaku terutamanya dalam perkembangan teknologi. Kepekaan dan sensitiviti masyarakat terhadap perkembangan yang berlaku menuntut setiap belia sedar akan perubahan yang berlaku disekeliling mereka dan seterusnya mengambil peluang yang mungkin boleh diambil untuk kemajuan dan perkembangan kehidupan peribadi dan juga terhadap bangsa dan negara.

3. Bersifat rasional dan logikal.

Sifat rasional dan logikal menuntut setiap belia membuat penilaian ke atas sesuatu perkara dari sudut fakta, kesaahihan, akal fikiran waras, tidak mengikut perasaan serta tidak terburu-buru dalam segala tindakan. Bersifat rasional dan logikal menuntut setiap belia membuat penilaian terlebih dahulu terhadap sesuatu isu dari sudut pro dan kontra sebelum bertindak.

4. Kental dan berdaya saing

Negara memerlukan belia yang kental dan berdaya saing bagi menghadapi perkembangan ekonomi khususnya serta perkembangan lain yang berlaku dalam negara seperti perkembangan sains dan teknologi terutama teknologi maklumat. Ciri ini menuntut belia mempunyai

kesabaran yang tinggi serta berusaha ke arah kebaikan dan keamanan negara dengan meneguhkan perasaan putus asa serta pesimis.

5. Berbudi dan bermoral

Berbudi dan bermoral merupakan ciri utama belia yang mempunyai agenda masa depan yang tersusun. Berbudi dan bermoral merupakan aset peribadi dalam bersosialisasi dan berhubung dengan orang lain. Ia juga merupakan kunci kejayaan asas kepada segala perancangan yang dilakukan. Sekiranya belia dan pemimpin tidak mempunyai moral yang moraal, maka dia akan sukaar mempengaruhi orang lain termasuklah segala bentuk konteks komunikasi.

6. Keadilan

Merupakan salah satu agenda penting dalam Wawasan 2020. Keadilan bermakna keadilan dalam bidang ekonomi dengan pengagihan kekayaan sama rata dengan wujudnya perkongsian sepenuhnya dalam kemajuan ekonomi.

7. Penyayang

Merupakan salah satu agenda perdana negara. Belia yang bersifat menyayangi akan mewujudkan satu sistem sosial yang bukan berpusatkan pada kepentingan dan persoalan peribadi tetapi turut menjaga kebajikan disekitar sistem keluarga dan masyarakat yang kukuh.

8. Beragama

Pembentukan belia masa depan tidak hanya mementingkan aspek keduniaan semata-mata, sebaliknyaa peembentukan belia hendaklah menyimbahgi antara tuntutan agama dan duniawi. Seorang belia yang beragama akan mempunyai satu sistem pertahanan dalaman yang kukuh dari segi anasir kemaksiatan, kejahatan dan kezaliman. Beragama bukan sahaja bermakna belia harus memahami dan mendalami ajaran agama masing-masing tetaapi turut mengikutinya dantidak menggunakan agama untuk berselindung dari segala kejahatan dan kemungkarannya yang dilakukan.

MEMPERKEMBANGKAN POTENSI BELIA

Pihak kerajaan telah mengadakan dan menyediakan pelbagai kemudahan, projek, perancangan dan program untuk memperkembangkan potensi belia. Program pembangunan belia boleh dibahagikan kepada empat aspek iaitu, ekonomi, sosial, pendidikan serta agama dan moral (Azizan Bahari, 1995).

1. Ekonomi

Di antara program yang dilaksanakan di bawah perancangan ekonomi adalah projek belia, peladang, projek belia berniaga, koperasi belia, rancangan tanah belia, program latihan belia, latihan vokasional dan sebagainya. Program-program ini bertujuan mengalakkan belia menceburi bidang pemiagaan secara serius, mencari peluang pekerjaan serta berdikari. Bagi mencapai matlamat ini, pihak kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah kewangan, bimbingan serta pelbagai kemudahan logistik.

2. Sosial

Di bawah agenda perancangan sosial, program sosial yang dijalankan adalah khemah kerja, gotong royong, gerakan kempen kesedaran, koperasi pembangunan, operasi khidmat masyarakat dan sebagainya. Sokongan dan kerjasama pihak kerajaan diperlukan bagi merealisasikan program yang dirancang di bawah sosial. Program ini bertujuan meningkatkan perpaduan, usaha pembangunan minda dan memupuk perasaan kenegaraan serta kasih sayang di antara rakyat Malaysia yang pelbagai agama dan keturunan.

3. Program Pendidikan

Program-program yang termasuklah dalam agenda pendidikan termasuklah kelas bimbingan, bimbingan kerjaya, ceramah motivasi, pembinaan kemudahan bacaan dan sebagainya. Program yang dijalankan lebih tertumpu pada usaha untuk meningkatkan kebolehan dan prestasi untuk berjaya dalam peperiksaan.

4. Agama dan Moral

Program-program yang dijalankan adalah dalam bentuk gerakan dakwah, latihan perkaderan, usrah, sesi-sesi perbincangan, kuliah agama dan sebagainya. Matlamatnya adalah untuk membina golongan belia yang mempunyai keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat. Pihak masjid, jabatan agama dan persatuan agama merupakan badan kerjasama bagi merealisasikan matlamat ini.

BELIA DAN MASALAH SOSIAL

Masalah sosial boleh dibahagikan kepada dua kategori yang besar iaitu disorganisasi sosial dan tingkah laku devians (Ting Chew Peh, 1985). Disorganisasi sosial merujuk kepada kegagalan sistem kelompok dalam memenuhi matlamat kelompok tersebut. Tingkah laku devians pula adalah tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial. Masalah sosial yang hangat diperbincangkan ialah masalah yang kedua iaitu tingkah laku devians.

Masalah penagihan dadah, penagihan arak, penagihan pil khayal, pembuangan bayi, seks luar nikah, sumbang muhram, lari daripada rumah, gejala bohan dan bohsia, pelacuran dan sebagainya merupakan contoh masalah sosial yang berlaku di negara kita pada masa ini. Ianya bentuk tingkah laku devians yang sering dilakukan oleh remaja atau belia. Permasalahan ini menjadi satu cabaran masa depan yang gentir bagi masyarakat dan negara, apatah lagi ia dilakukan oleh golongan yang dikatakan sebagai aset berharga kepada negara di masa depan iaitu golongan belia dan beliawanis. Para belia haruslah sedar akan perkembangan dan potensi diri mereka dan cuba mengelakkan daripada terjebak dengan permasalahan sosial.

Para belia juga dikaitkan dengan masalah sikap. Terdapat pelbagai variasi sikap yang ditunjukkan oleh golongan belia. Persoalan sikap di sini bermaksud belia yang bersikap negatif, tidak optimistik dengan perkembangan dan kemajuan negara. Ini termasuklah tidak menyumbangkan kepada perkembangan dan pembangunan negara serta sikap yang hanya mementingkan diri sendiri tanpa melihat apa yang berlaku disekeliling.

MENANGANI MASALAH BELIA

Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk menangani permasalahan belia. Pendekatan pencegahan dan pemulihan dan rawatan bagi mengatasi masalah sosial yang melanda negara akan dibincangkan di kertas kerja ini.

(I) Pencegahan

a. Ceramah dan kempen

Pendekatan ini diketahui agak berkesan dalam menerangkan permasalahan yang berlaku terutama dari aspek kesan yang timbul dari masalah tersebut. Ceramah dan kempen juga dapat memfokus kepada pembentukan sahsiah yang baik dengan pembinaan belia yang bercitra Malaysia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Usaha pencegahan juga digunakan melalui media massa sebagai medium penghantar dan memberikan maklumat seperti yang diterangkan di atas. Kempen dan kesedaran tidak hanya memfokus kepada usaha mencegah permasalahan sosial secara langsung sebaliknya dalam kempen dan ceramah tersebut akan diselitkan unsur nasihat kerjaya dan sebagainya.

b. Mengadakan aktiviti kebeliaan.

Salah satu sebab mengapa wujudnya masalah sosial adalah kerana belia dikatakan tidak mempunyai aktiviti untuk dijalankan dan tidak mempunyai persatuan atau pertubuhan untuk disertai khasnya bagi belia yang berada di luar bandar. Dalam usaha mencegah masalah sosial, aktiviti untuk belia secara lebih banyak dan kerap adalah perlu. Aktiviti-aktiviti kebeliaan yang boleh dan sesuai dijalankan adalah seperti gotongroyong, perkhemahan, menghadiri kem bina negara, menganijurkan lawatan, berkonvoi dan sebagainya.

c. Program pencegahan di sekolah.

Usaha pencegahan di peringkat sekolah adalah perlu. Dalam hal ini, kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya Persatuan Ibu bapa dan Guru adalah perlu bagi merealisasikan hasrat ini. Pencegahan di sekolah dapat dilakukan melalui penerapan gaya pembelajaran

yang seimbang dengan pembentukan sahsiah, melalui aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya termasuklah ceramah, bengkel serta seminar dan juga melalui kegiatan Pembimbing Rakan Sebaya.

d. Seminar

Selain mengadakan program dan aktiviti yang dibincangkan di atas, usaha mengatasi masalah sosial juga dibolehkan melalui seminar yang diadakan dipelbagai peringkat dengan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

e. Kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Penglibatan pihak-pihak seperti pertubuhan sukarela/belia, Badan Bukan Kerajaan (NGO'S) juga dilihat sebagai berpotensi dalam memerangi masalah sosial yang melanda negara. Dalam hal ini kerjasama berterusan secara kolektif antara kesemua pihak dilihat sebagai satu usaha bersungguh ke arah menangani masalah sosial. Kerjasama dengan NGO'S akan dapat memanfaatkan pihak kerajaan terutama dari segi penyertaan tenaga sukarela, bantuan kewangan serta logistik dan sokongan.

(II) Pemulihan dan rawatan

a. Kaunseling kelompok

Kaunseling kelompok merupakan pendekatan pemulihan secara aktif dalam satu kelompok. Dalam kaunseling kelompok, remaja-remaja yang menghadapi permasalahan sosial yang sama akan dikumpulkan dalam satu kumpulan yang terdiri daripada lima hingga sepuluh orang dalam satu-satu kelompok. Dalam kelompok tersebut, ahli-ahlinya akan berbincang sesama mereka dan melalui fungsi kaunselor sebagai penunjuk arah, ahli-ahlinya akan meneroka masalah mereka sendiri. Kaunseling kelompok adalah seperti satu proses penyedaran diri melalui pengalaman klien yang menghadapi masalah yang sama diantara mereka.

b. Kaunseling individu

Kaunseling individu juga bermatlamat untuk menerokai diri klien dan seterusnya menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh klien. Diantara matlamat kaunseling individu adalah membimbing klien mencari sumber dirinya yang menyumbang kepada isu yang dihadapinya (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Halimatun halaliah Mokhtar, 1996). Fokus perbincangan dalam kaunseling individu adalah berpusatkan pada diri klien dan peranannya dalam permasalahannya dan bukan masalahnya.

c. Pusat pemulihan akhlak

Walaupun pusat pemulihan akhlak bukanlah institusi dan cara yang baik dalam mengatasi masalah sosial remaja (Wan Azmi Ramli, 1992), tetapi ia dilihat sebagai satu cara bagi mengatasi permasalahan sosial yang melanda remaja khususnya masalah penagihan dadah dan masalah juvana. Melalui modul rawatan yang direkabentuk oleh pusat ini, ianya mampu menyumbangkan kepada usaha mengatasi masalah sosial. Sebagai contoh, salah satu pengisian dalam pusat rawatan adalah memberikan kemahiran pertukangan, kraftangan dan sebagainya yang mampu mengembangkan potensi yang ada pada belia yang dimasuki ke pusat tersebut. Apabila mereka keluar dari pusat ini adalah diharapkan mereka mengaplikasikan apa yang dipelajari di pusat ini seperti membuka pemiagaan sendiri ataupun mencari peluang pekerjaan bagi menghadapi masa depan yang memerlukan mereka lebih berusaha dan bersaing.

d. Kumpulan terapeutik

Kumpulan ini melibatkan klien atau ahli keluarga di mana matlamatnya ialah menyediakan suatu peluang berstruktur untuk klien mengurangkan rasa bersalah, membincangkan masalah dan meluahkan perasaan. Biasanya, kumpulan ini berjumpa dua kali seminggu dengan perbincangan yang berfokus kepada pengalaman lepas yang melibatkan kelakuan individu yang salah atau yang menyebabkan perasaan bersalah pada individu tersebut. Ahli-ahli lain dalam kumpulan tersebut akan mengenalpasti secara lisan mengenai pengalaman-pengalaman antara satu sama lain dan memberi nasihat tentang bagaimana mereka dapat mengendalikan perasaan atau situasi sedemikian. Semua yang dibincangkan dalam kumpulan adalah dirahsiakan. Dalam penglibatan ini, semua yang terlibat mesti sanggup

meluahkan perasaan mereka. Matlamat utama kumpulan ini ialah untuk melihat secara mendalam perasaan seseorang dan membina keupayaan atas kawalan diri sendiri.

e. Pendekatan keagamaan

Abu Mohd Jibril (1995) menjelaskan kesedaran dan keinsafan serta kesediaan perubahan ke arah kebaikan dalam hati nurani perlu wujud dalam diri seseorang untuk berubah. Oleh itu, pendekatan keagamaan digunakan sebagai strategi "membersih" individu dalam masalah yang dihadapi.

KESIMPULAN

Cabaran perdana merupakan satu matlamat yang tergubal atas inspirasi dan jangkaan bahawa negara akan menghadapi cabaran yang semakin kompleks dan gentir di masa hadapan. Golongan belia merupakan golongan majoriti dalam masyarakat Malaysia, lantaran itu ia menuntut golongan belia supaya sedar akan cabaran yang terpaksa mereka lalui di masa depan. Golongan belia perlu mempunyai citra mumi dalam usaha menyumbangkan pembangunan dan kemajuan negara. Belia sebagai pendukung canaran perdana haruslah bersedia menabur bakti serta menyumbangkan kepada pembentukan tamadun manusia dan kemajuan negara dan seterusnya merealisasikan hasrat besar negara iaitu Wawasan 2020 demi mewujudkan tamadun baru yang murni di alaf mendatang.

Rujukan

Abu Mohd Jibril Abdul Rahman. (1995). Leiaki Solehah: Martabat dan perwatakan serta sifat-sifatnya. Kuala Lumpur: Darul Nu'man

Azizan Bahari. (1995). Belia dan masyarakat. Kuala Lumpur: Institut Kajian dasar.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Halimantun Halaliah Mokhtar. (1997). Konseling Individu (Apa dan bagaimana). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ting Chew Peh. (1985). Konsep asas sosiologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Azmi Ramli. (1992). Pembangunan masyarakat. Dari perspektif kebaihan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd

Sapora



**THE ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN
INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING
(ASAIHL)**

**23rd ASAIHL General Conference and Seminar
on
THE ROLE OF UNIVERSITIES
IN SCHOOL AND COMMUNITY DEVELOPMENT**

**Bandar Seri Begawan
12 - 14 November 1998**



**Hosted by:
Universiti Brunei Darussalam**

**Organised by:
Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education**

programme and abstracts

Several handwritten signatures in black ink are visible on the left side of the page, overlapping the 'programme and abstracts' text.

institutions and the private sector. Social science education will also include the role of teachers in promoting the social sciences and the problems faced by both institutions and clientele. The paper is organized in three sections - an Introduction focusing on the social science curriculum of academic institutions; a discussion of the social science outreach program of an academic institution and the role of the private sector in promoting the social sciences; and a Conclusion which attempts to summarize the paper.

16. **Global education in the school curriculum: From planning to implementation**
Angelina C. Irapta, Pamantasan ng Lungsod Maynila (University of the City of Manila), Philippines

As we stand at the dawn of a new era, we are confronted by gnawing headlines about crime, drugs, and worldwide destruction of rainforests, depleting ozone layer, climate change and global warming. In addition, recurring issues such as AIDS, chemical warfare, corruption and moral degeneration, hyperinflation, double-digit deficit and a host of glaring problems, assault us everyday. The end of the Cold War, the collapse of Eastern Europe and Germany, the halting of the arms race, the economic realignment in Asia, ethnic struggles in Africa, and the political revolution in Latin America, all challenge the survival of mankind. Corollary to the above situation, educational institutions which are agents in preparing youth for the future, must assume responsibility in analyzing these global events and identifying negative and positive effects. Efforts must be made to integrate global events into the mainstream of the school curriculum to prepare young minds to be competitive in facing the pressing demands of the new millennium. The paper, therefore, will focus on building a scenario of the 21st century focusing on the goals of education, the curriculum and the methods needed to adopt its implementation.

16

17. **"Sijil Pelajaran Malaysia" – Open certificate system: Toward a better and more flexible public examination system in Malaysia**
Puan Sapora Sipon, Universiti Malaysia Sabah

The paper is the writer's attempt to look at the implication of the new Open Certificate System which will be introduced in the year 2000 by the Malaysian Ministry of Education. The new system is discussed as a noble effort of the Education Ministry to liberalize the Malaysian schools. The paper will also investigate in some detail how the new system will benefit slow and fast learners. Factors that may impede the implementation of the new system will also be discussed. The role of the (public) universities in school development in relation to the Open Certificate System is the main theme of the paper.

18. **Training needs of teachers in the inclusive schools of Brunei Darussalam and how they can be met by a community oriented university**
Dy Ansah binti Hj. Abdul Majid & Paul Prangle, Unit Pendidikan Khas, Pendidikan Kementerian, Brunei Darussalam

Results of a survey of primary teachers will be presented which focuses on their pre-service and in-service needs in the inclusive school system in Brunei Darussalam. Suggestions will be made as to how these needs could be met by a university moving toward a model of serving the community.